

Isi Kandungan Penyata Kewangan

Contents of Financial Statements

Laporan Para Pengarah Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004	77 - 82	<i>Directors' Report For The Financial Year Ended 30 June 2004</i>	151 - 156
Penyata Para Pengarah Berdasarkan Kepada Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965	83	<i>Statement by Directors Pursuant to Section 169(15) of the Companies Act, 1965</i>	157
Pengisytiharan Berdasarkan Kepada Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965	84	<i>Statutory Declaration Pursuant to Section 169(16) of the Companies Act, 1965</i>	158
Laporan Juruaudit Kepada Para Ahli Syarikat Takaful Malaysia Berhad	85 - 86	<i>Report Of The Auditors To The Members Of Syarikat Takaful Malaysia Berhad</i>	159 - 160
Laporan Majlis Pengawasan Syariah	87	<i>Report Of The Shariah Supervisory Council</i>	161
Kunci Kira-Kira Disatukan Pada 30 Jun 2004	88 - 89	<i>Consolidated Balance Sheet As At 30 June 2004</i>	162 - 163
Penyata Pendapatan Disatukan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004	90	<i>Consolidated Income Statement For The Year Ended 30 June 2004</i>	164
Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004	91	<i>Consolidated Statement Of Changes In Equity For The Year Ended 30 June 2004</i>	165
Penyata Aliran Tunai Disatukan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004	92 - 93	<i>Consolidated Cash Flow Statement For The Year Ended 30 June 2004</i>	166 - 167
Kunci Kira-Kira Pada 30 Jun 2004	94 - 95	<i>Balance Sheet As At 30 June 2004</i>	168 - 169
Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004	96	<i>Income Statement For The Year Ended 30 June 2004</i>	170
Penyata Perubahan Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004	97	<i>Statement Of Changes In Equity For The Year Ended 30 June 2004</i>	171
Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004	98 - 99	<i>Cash Flow Statement For The Year Ended 30 June 2004</i>	172 - 173
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	100 - 142	<i>Notes To The Financial Statements</i>	174 - 216
Penyata Pendapatan Terperinci Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004	143	<i>Detailed Income Statement For The Year Ended 30 June 2004</i>	217
Akaun Hasil Takaful Keluarga Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004	144 - 145	<i>Family Takaful Revenue Account For The Year Ended 30 June 2004</i>	218 - 219
Akaun Hasil Takaful Am Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004	146 - 147	<i>General Takaful Revenue Account For The Year Ended 30 June 2004</i>	220 - 221
Akaun Hasil Takaful Semula Am Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004	148	<i>General Inward Retakaful Revenue Account For The Year Ended 30 June 2004</i>	222
Akaun Hasil Takaful Keluarga Berkelompok Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004	149 - 150	<i>Group Family Takaful Revenue Account For The Year Ended 30 June 2004</i>	223 - 224

Laporan Para Pengarah Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2004.

Kegiatan-kegiatan utama

Kegiatan-kegiatan utama Syarikat adalah mengendalikan perniagaan takaful keluarga dan takaful am, manakala kegiatan-kegiatan utama anak-anak syarikat adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3 pada penyata kewangan. Tiada sebarang perubahan yang ketara di dalam kegiatan-kegiatan utama di sepanjang tahun kewangan.

Hasil

	Kumpulan RM	Syarikat RM
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	<u>24,064,244</u>	<u>23,011,628</u>

Rizab dan peruntukan

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab dan peruntukan disepanjang tahun kewangan dalam kajian.

Dividen

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, Syarikat telah membayar dividen akhir sebanyak 4.5% selepas cukai berjumlah RM4,633,200 berdasarkan modal diterbitkan dan berbayar berjumlah 143,000,000 bagi tahun berakhir 30 Jun 2003 pada 29 Disember 2003.

Dividen akhir yang disyorkan oleh Para Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2004 adalah 6% selepas cukai berjumlah RM6,177,600 berdasarkan modal diterbitkan dan berbayar berjumlah 143,000,000.

Para Pengarah Syarikat

Para Pengarah yang berkhidmat sejak dari tarikh laporan yang terakhir ialah:

Dato' Mohd Yusoff Haji Nasir
Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman
Dato' Tengku Hassan Tengku Omar
Haji Taib Rasak
Dato' Fadzil Yusoff
Dato' Mohd Fadzli Yusof
Dato' Wan Abdul Wahid Wan Hassan
Dato' Ahmad Maher Abdul Manan

Selaras dengan Seksyen 62, Tataurusn Pertubuhan Syarikat, Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman, Dato' Tengku Hassan Tengku Omar dan Dato' Mohd Fadzli Yusof bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan, kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula.

Laporan Para Pengarah Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

Kepentingan Para Pengarah

Berdasarkan Daftar Pemegangan Saham Para Pengarah, Para Pengarah yang berkhidmat pada akhir tahun kewangan semasa yang mempunyai kepentingan dalam bentuk saham Syarikat dan perbadanan berkait adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa			Pada 30.6.2004
	Pada 1.7.2003	Dibeli	Dijual	
Syarikat Takaful Malaysia Berhad				
Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman	10,000	16,000	-	26,000
Dato' Mohd Fadzli Yusof	8,000	12,800	-	20,800
BIMB Holdings Berhad				
Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman	391,272	-	-	391,272
Dato' Fadzil Yusoff	193,700	-	-	193,700
Dato' Mohd Fadzli Yusof	21,000	-	-	21,000

	Harga opsyen RM	Bilangan opsiyen ke atas saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu			Pada 30.6.2004
		Pada 1.7.2003	Dibena rkan	Dilaksanakan	
Syarikat Takaful Malaysia Berhad					
Dato' Mohd Fadzli Yusof	1.20	-	200,000	-	200,000
BIMB Holdings Berhad					
Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman	2.13	500,000	-	-	500,000
Dato' Fadzil Yusoff	2.13	410,000	-	-	410,000

Para Pengarah lain yang memegang jawatan pada 30 Jun 2004 tidak mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham biasa Syarikat dan perbadanan berkait di sepanjang tahun kewangan.

Manfaat kepada Para Pengarah

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah Syarikat yang telah menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain dari manfaat yang termasuk di dalam ganjaran diterima atau akan diterima oleh Para Pengarah seperti yang dicatatkan dalam penyata kewangan) disebabkan dari perjanjian yang telah dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkait dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah adalah seorang ahli, atau dengan syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Tiada sebarang urusan yang dibuat di sepanjang dan di akhir tahun kewangan yang mempunyai matlamat membolehkan Para Pengarah mendapat manfaat melalui pengambilalihan saham atau debentur dalam Syarikat atau sebarang perbadanan yang lain selain dari Skim Opsyen Saham Kakitangan Syarikat dan syarikat induk.

Laporan Para Pengarah Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

Terbitan saham

Di sepanjang tahun kewangan, Syarikat telah menerbitkan 11,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu sebagai terbitan bonus dan 77,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu pada nilai tara untuk tunai.

Tiada sebarang perubahan lain pada modal diterbitkan dan berbayar Syarikat semasa tahun kewangan.

Pemberian opsiyen saham-saham belum diterbitkan

Tiada sebarang opsiyen ditawarkan kepada sesiapa untuk mendapatkan saham-saham Syarikat yang belum diterbitkan di sepanjang tahun ini, selain daripada opsiyen-opsyen yang diterbitkan oleh Skim Opsyen Saham Kakitangan Syarikat dan syarikat induk.

Pada Mesyuarat Agung Luarbiasa yang diadakan pada 28 Jun 2003, para pemegang saham Syarikat telah meluluskan pembentukan Skim Opsyen Saham Kakitangan yang tidak melebihi 10% daripada modal diterbitkan Syarikat kepada Para Pengarah dan kakitangan Kumpulan yang layak, kecuali syarikat-syarikat yang tidak aktif dan tidak diperbadankan di Malaysia.

Opsyen yang ditawarkan untuk pengambilan saham-saham biasa yang belum diterbitkan bernilai RM1.00 setiap satu dan harga opsiyen adalah seperti berikut:

Tarikh tawaran	Harga opsiyen	Pada 1.7.2003	Bilangan opsiyen ke atas saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu		Pada 30.6.2004
			Dibenarkan	Dilaksanakan	
31.10.2003	RM1.20	-	13,563,000	-	13,563,000

Juruaudit luar telah mengesahkan peruntukan opsiyen-opsyen yang dibenarkan di sepanjang tahun kewangan.

Ciri-ciri penting skim ini adalah seperti berikut:

- i) Kakitangan yang layak adalah merreka yang telah disahkan secara bertulis sebagai kakitangan Kumpulan (kecuali anak-anak syarikat yang tidak aktif dan tidak diperbadankan di Malaysia) untuk sekurang-kurangnya satu tahun sebelum tarikh tawaran.
- ii) Opsyen adalah peribadi kepada penerima opsiyen dan tidak boleh dipindahmilik.
- iii) Harga opsiyen ditentukan dari purata pertengahan penyiaran pasaran saham biasa Syarikat sebagaimana ditunjukkan di dalam senarai rasmi harian yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia dalam masa lima hari urusan sebelum tarikh tawaran bertulis kepada penerima opsiyen atau pada nilai tara saham biasa Syarikat, mana-mana yang lebih tinggi.
- iv) Opsyen-opsyen yang dibenarkan boleh dilaksanakan pada bila-bila masa sepanjang tempoh lima tahun dari tarikh tawaran opsiyen atau untuk jangkamasa yang lebih pendek sebagaimana terkandung di dalam tawaran setelah pemberian notis bertulis.
- v) Opsyen-opsyen yang dibenarkan boleh dilaksanakan sepenuhnya atau kurang daripada bilangan saham biasa yang ditawarkan, dengan syarat bilangannya tidak kurang daripada 1,000 saham baru dan tidak melebihi sepuluh peratus (10%) saham-saham yang dibenarkan di bawah skim ini.

Laporan Para Pengarah Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

Pengawasan korporat

(a) Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya bagi mengawasi sumber-sumber Syarikat dengan baik, mencapai objektif-objektif korporat dan warga korporat yang baik dan melaksanakan tanggungjawab ini dengan mematuhi Akta Takaful (Pindaan) 1984, dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia untuk Tugas-tugas dan Tanggungjawab Para Pengarah dan Ketua Eksekutif Syarikat Insurans (JPI/GPI 1) dan Rangkakerja Pengurus kawalan Korporat Syarikat Insurans (JPI/GPI 25) dan lain-lain garis panduan, di samping pengamalan pengurus kawalan korporat lain yang baik.

Lembaga Pengarah terdiri daripada tujuh Pengarah bukan eksekutif bertujuan untuk memastikan isu-isu dipertimbangkan dengan seimbang dan objektif, kerana ini membantu untuk mencapai keputusan yang optimal, dan seorang pengarah eksekutif yang membantu di dalam proses membuat keputusan dengan menyediakan maklumat-maklumat pentadbiran dan operasi bagi isu-isu yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah.

(b) Kebertanggungjawaban Pengurusan

Syarikat mempunyai struktur organisasi yang menunjukkan kesemua struktur laporan dan dokumentasi penghuraian kerja-kerja yang jelas untuk pihak pengurusan dan kakitangan eksekutif.

Had-had kuasa yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dinyatakan dengan jelas dan disediakan kepada semua kakitangan.

(c) Kebebasan Korporat

Semua urusan ketara dengan pihak yang berkaitan telah dinyatakan di Nota 31 kepada penyata kewangan.

(d) Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko Operasi

Para Pengarah bertanggungjawab untuk membentuk pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang efektif.

Syarikat melakukan proses berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko-risiko ketara yang dihadapi oleh Syarikat menerusi fungsi-fungsi pengurusan yang berkaitan dan kawalan dalaman, meliputi had-had risiko operasi untuk kesemua aktiviti-aktiviti utama. Syarikat telah membentuk kawalan dalaman yang merangkumi semua lapisan pekerja dan proses perniagaan untuk memastikan operasi Syarikat berjalan dengan efektif dan cekap disamping menjaga aset-aset Syarikat dan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dalam Syarikat.

Penilaian berterusan ke atas keberkesanan dan kecukupan kawalan dalaman, yang merangkumi pemeriksaan bebas kawalan oleh fungsi audit dalaman, memastikan pembetulan di mana perlu, diambil dengan segera. Laporan audit dalaman akan dibentangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Audit yang pertama dijadualkan selepas tarikh penerimaan laporan tersebut. Fungsi audit dalaman melapor terus kepada Para Pengarah menerusi Jawatankuasa Audit, dan penemuan dan cadangan dikomunikasikan ke pihak pengurusan dan semua peringkat kakitangan yang berkenaan.

(e) Kebertanggungjawaban Awam

Sebagai penjaga kepada dana awam, urusan Syarikat dengan pihak umum sentiasa dilaksanakan secara adil, jujur dan profesional.

Laporan Para Pengarah Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

(f) Laporan Kewangan

Syarikat telah mematuhi kesemua keperluan yang ditetapkan dan mengamalkan amalan pengurusan yang selaras dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan di bawah JPI/GPI 25: Rangkakerja Penguruskawalan Korporat Syarikat Insurans yang diterbitkan oleh BNM.

Maklumat-maklumat berkanun lain

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi memastikan bahawa:

- i) kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang cukup telah dibuat untuk hutang ragu;
- ii) semua harta semasa telah dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai boleh diperolehi; dan
- iii) terdapat peruntukan yang mencukupi bagi tuntutan dibuat, termasuk tuntutan yang berlaku tetapi belum dilaporkan ("IBNR").

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak menyedari wujudnya keadaan-keadaan:

- i) yang mungkin menyebabkan jumlah hutang yang dihapus kira atau peruntukan hutang ragu Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi; atau
- ii) yang akan menyebabkan nilai yang diberi kepada harta-harta semasa dalam Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau
- iii) yang akan menyebabkan dengan mematuhi kaedah menilai harta-harta dan tanggungan-tanggungan Kumpulan dan Syarikat yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai; atau
- iv) selain daripada yang telah diambilkira dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat ini, yang akan menyebabkan jumlah-jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

Laporan Para Pengarah Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

Pada tarikh laporan ini, tidak ada:

- i) sebarang harta Kumpulan atau Syarikat yang telah dicagar sejak akhir tahun kewangan ini dan telah menjadi sandaran bagi tanggungan-tanggungan pihak lain; atau
- ii) sebarang tanggungan luarjangka yang berhubung dengan Kumpulan atau Syarikat sejak akhir tahun kewangan ini.


Tiada tanggungan luarjangka atau tanggungan-tanggungan lain bagi sebarang syarikat dalam Kumpulan ini yang akan berkuatkuasa, atau mungkin akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini yang pada pendapat Para Pengarah, akan atau mungkin akan memberi kesan yang mendalam terhadap keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk menyelesaikan tanggungan apabila tiba masanya.

Pada pendapat Para Pengarah, keputusan dari operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2004 tidak dipengaruhi secara berkesan oleh sebarang perkara, urusanniaga atau kejadian yang penting dan luarbiasa dan tiada sebarang perkara, urusanniaga atau kejadian yang penting dan luarbiasa berlaku dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan sehingga tarikh laporan ini.

Juruaudit

Juruaudit, Tetuan KPMG Desa Megat & Co., telah menyatakan kesanggupan mereka menerima perlantikan semula.

Ditandatangani mengikut ketetapan Para Pengarah:



.....
Dato' Mohd Yusoff Haji Nasir



.....
Dato' Mohd Fadzli Yusof

Kuala Lumpur,

Tarikh: 26 Ogos 2004

Penyata Para Pengarah Berdasarkan Kepada Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

Pada pendapat Para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 88 hingga 142 telah disediakan mengikut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang telah diluluskan di Malaysia, diubahsuai untuk mematuhi Hukum-Hukum Syarak, supaya memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 30 Jun 2004 dan keputusan dari operasi serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani mengikut ketetapan Para Pengarah:



.....
Dato' Mohd Yusoff Haji Nasir



.....
Dato' Mohd Fadzli Yusof

Kuala Lumpur,

Tarikh: 26 Ogos 2004

Pengisytiharan Berdasarkan Kepada Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965


Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

Saya, **Mohamad Asri Haji Yusoff**, pegawai yang terutama yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan dan rekod perakaunan Syarikat Takaful Malaysia Berhad, dengan ikhlas berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 88 hingga 142 adalah, sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya benar, dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh Mohamad Asri Haji Yusoff di Kuala Lumpur pada 26 Ogos 2004.



MOHAMAD ASRI HAJI YUSOFF



SUITE 15.1W, LEVEL 16,
WISMA SIMB DARBY, JALAN RAJA LAUT,
50350 KUALA LUMPUR.

Laporan Juruaudit Kepada Para Ahli Syarikat Takaful Malaysia Berhad

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 88 hingga 142. Penyediaan penyata kewangan adalah tanggungjawab Para Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk memberi pendapat ke atas penyata kewangan berdasarkan pengauditan kami.

Kami telah menjalankan pengauditan mengikut Piawaian-Piawaian Pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan pengauditan untuk mengumpul semua maklumat dan penjelasan di mana kami merasakan perlu untuk melengkapkan kami dengan bukti untuk memberi jaminan yang wajar bahawa penyata kewangan adalah bebas dari salah nyata yang penting. Audit merangkumi pemeriksaan, berasaskan ujian, bukti yang berkaitan kepada jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Audit juga termasuk penilaian terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Para Pengarah, beserta dengan penilaian yang menyeluruh terhadap kecukupan maklumat yang dibentangkan di dalam penyata kewangan. Kami percaya pengauditan kami memberi asas yang wajar terhadap pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan telah disediakan mengikut peruntukan Akta Syarikat, 1965, dan piawaian-piawaian perakaunan yang telah diluluskan di Malaysia, diubahsuai untuk mematuhi Hukum-Hukum Syarak, untuk memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap:
 - i) kedudukan hal ehwal urusan Kumpulan dan Syarikat pada 30 Jun 2004 dan penghasilan dari operasi serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - ii) perkara-perkara yang dikehendaki di bawah Seksyen 169, Akta Syarikat, 1965 yang perlu diambil kira dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat; dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod dan termasuk daftar-daftar, yang dikehendaki oleh Akta Syarikat, 1965, supaya disimpan oleh Syarikat dan anak-anak syarikatnya di mana kami adalah juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta tersebut.

Laporan Juruaudit Kepada Para Ahli Syarikat Takaful Malaysia Berhad

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

Anak-anak syarikat di mana kami tidak bertindak sebagai juruaudit dinyatakan pada Nota 3 kepada penyata kewangan dan kami telah mengambil kira penyata kewangan dan laporan juruaudit mereka.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan anak-anak syarikat yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar untuk menyediakan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan seperti dikehendaki untuk tujuan tersebut.

Laporan juruaudit bagi penyata kewangan anak-anak syarikat tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan tidak mengandungi sebarang ulasan yang dikehendaki di bawah pecahan (3) Seksyen 174 Akta tersebut.

KPMG Desa Megat & Co.

Nombor Firma: AF 0759

Akauntan Berkanun

Abdullah Abu Samah

Rakan Firma

Nombor Kelulusan: 2013/06/06(J)

Kuala Lumpur,

Tarikh: 26 Ogos 2004

Laporan Majlis Pengawasan Syariah

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

Kami, **Datuk Haji Md. Yunus @ Yunus b. Haji Md. Yatim** dan **Mohd. Bakir b. Haji Mansor**, daripada ahli Majlis Pengawasan Syariah Syarikat Takaful Malaysia Berhad, bagi pihak Majlis mengesahkan bahawa pada pendapat kami operasi perniagaan Syarikat bagi tahun berakhir 30 Jun 2004 telah dijalankan mengikut Hukum-Hukum Syarak.

Bagi pihak Majlis:



.....
Datuk Haji Md. Yunus @ Yunus b. Haji Md. Yatim



.....
Mohd. Bakir b. Haji Mansor

Kuala Lumpur

Tarikh: 26 Ogos 2004

Kunci Kira-Kira Disatukan Pada 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

	Nota	2004 RM	2003 RM
Hartanah, loji dan peralatan	2(a)	160,867,674	148,526,340
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	4	940,535	984,412
Penghutang pembiayaan	5	36,529,721	50,846,234
Pelaburan	6	1,042,394,425	843,586,398
Aset cukai tertunda	20	11,885,938	6,962,675
		1,252,618,293	1,050,906,059
Harta semasa			
Jumlah terhutang dari syarikat takaful semula		39,172,012	22,681,269
Pelbagai penghutang	7	24,994,615	24,518,901
Pelaburan jangka pendek	6	1,078,487,628	813,377,765
Tunai dan baki di bank	8	31,140,839	54,242,467
		1,173,795,094	914,820,402
Tanggungjawab semasa			
Tuntutan-tuntutan yang diakui atau dilaporkan tetapi belum bayar		175,267,520	154,078,549
Jumlah terhutang kepada syarikat takaful semula		74,348,771	47,517,888
Pelbagai pemiutang	9	68,649,193	52,185,027
		318,265,484	253,781,464
Harta semasa bersih		855,529,610	661,038,938
		2,108,147,903	1,711,944,997
Dibiayai oleh:			
Modal dan rizab			
Modal saham	10	143,000,000	55,000,000
Rizab	11	75,500,287	70,305,110
		218,500,287	125,305,110
Kepentingan pemegang saham minoriti	12	12,044,020	8,525,202
		230,544,307	133,830,312

Kunci Kira-Kira Disatukan Pada 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

	Nota	2004 RM	2003 RM
Dana Takaful			
Dana Takaful Keluarga	13	1,581,207,221	1,353,895,852
Dana Takaful Am	14	191,799,787	139,114,742
Dana Takaful Keluarga Berkelompok	15	101,479,163	81,329,273
Dana Takaful Semula Am	16	1,087,397	1,854,332
Dana Takaful Semula ATG	17	800,409	1,544,780
Dana Takaful Semula Keluarga	18	256,427	55,738
Dana Takaful Lil-Istithmar	19	781,507	-
		1,877,411,911	1,577,794,717
Tanggungjawab jangka panjang dan tertunda			
Jumlah terhutang kepada syarikat berkait	9	191,685	319,968
		2,108,147,903	1,711,944,997

Penyata kewangan ini telah diterima dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 26 Ogos 2004.

Penyata Pendapatan Disatukan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

	Nota	2004 RM	2003 RM
Pendapatan			
- Bahagian keuntungan bagi Kumpulan	22	117,272,770	99,578,567
- Pendapatan pelaburan	23	5,961,936	3,512,713
		123,234,706	103,091,280
Perbelanjaan pentadbiran		(65,393,726)	(50,925,246)
Pelbagai perbelanjaan operasi		(37,854,392)	(33,750,708)
Pelbagai pendapatan operasi		3,162,396	1,548,149
Keuntungan operasi	24	23,148,984	19,963,475
Kos kewangan		(42,006)	(51,295)
Bahagian kerugian dalam syarikat-syarikat bersekutu		(43,877)	(705,327)
Keuntungan sebelum zakat dan cukai		23,063,101	19,206,853
Zakat		(1,066,205)	(1,305,425)
Cukai	27	2,602,672	1,433,128
Keuntungan selepas zakat dan cukai		24,599,568	19,334,556
Tolak: Kepentingan pihak minoriti		(535,324)	(357,994)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		24,064,244	18,976,562
Perolehan sesaham asas (sen)	28	20.0	34.5
Perolehan sesaham tercair (sen)	28	19.9	34.5
Dividen sesaham biasa (sen) - (bersih)	29	6.0	11.7

Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

	<i>Tidak boleh diagihkan</i>			<i>Boleh diagihkan</i>	
	Modal saham RM	Premium saham RM	Rizab tukaran asing RM	Keuntungan tersimpan RM	Jumlah RM
Pada 1 Julai 2002	55,000,000	12,663,761	(823,282)	43,027,383	109,867,862
Perbezaan tukaran asing dari terjemahan penyata kewangan matawang asing	-	-	585,686	-	585,686
Kerugian bersih yang tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	-	585,686	-	585,686
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	-	18,976,562	18,976,562
Dividen 2002 - akhir	-	-	-	(4,125,000)	(4,125,000)
Pada 30 Jun 2003	55,000,000	12,663,761	(237,596)	57,878,945	125,305,110
Pada 1 Julai 2003	55,000,000	12,663,761	(237,596)	57,878,945	125,305,110
Perbezaan tukaran asing dari terjemahan penyata kewangan matawang asing	-	-	(1,970,949)	-	(1,970,949)
Kerugian bersih yang tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan	-	-	(1,970,949)	-	(1,970,949)
Terbitan saham:					
- tunai	77,000,000	-	-	-	77,000,000
- terbitan bonus	11,000,000	(11,000,000)	-	-	-
Perbelanjaan atas terbitan saham	-	(848,920)	-	-	(848,920)
Pencairan dari tambahan saham dibeli	-	-	-	(415,998)	(415,998)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	-	24,064,244	24,064,244
Dividen 2003 - akhir	-	-	-	(4,633,200)	(4,633,200)
Pada 30 Jun 2004	143,000,000	814,841	(2,208,545)	76,893,991	218,500,287

Nota 10

Penyata Aliran Tunai Disatukan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

	2004 RM	2003 RM
Aliran tunai dari aktiviti operasi		
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	23,063,101	19,206,853
Penyesuaian untuk:		
Bahagian kerugian dalam syarikat-syarikat bersekutu	43,877	705,327
Susutnilai:		
- Dana Pemegang Saham	5,013,815	5,043,132
- Dana Takaful Keluarga	1,124,576	868,542
- Dana Takaful Am	596,137	375,399
Pendapatan dari penghutang pembiayaan	(1,596,519)	(2,094,556)
Pendapatan dari Akaun Pelaburan dan		
Bil Penerimaan Islam	(27,876,747)	(20,928,476)
Pendapatan dividen	(37,999,034)	(31,908,663)
Kerugian dari jualan saham tersiarharga	5,842,487	9,844,178
Kerugian dari tukaran matawang asing	(298,575)	268,468
(Kirapulih)/Elaun rosot nilai bagi nilai saham		
tersiarharga, saham tak tersiarharga dan saham amanah:		
- Dana Pemegang Saham	(2,686,667)	(600,475)
- Dana Takaful Keluarga	15,248,969	6,613,326
- Dana Takaful Am	14,240,310	5,837,030
- Dana Takaful Keluarga Berkelompok	2,054,398	1,696,935
Keuntungan dari jualan hartanah, loji dan peralatan	-	(156,850)
Keuntungan dari jualan Bon Islam	(2,186,691)	(18,020,158)
Keuntungan dari jualan Sijil Pelaburan Kerajaan		
Malaysia	(14,171,400)	-
Penyesuaian untuk hartanah, loji dan peralatan	-	197,110
Elaun bagi pembiayaan diragui:		
- Dana Pemegang Saham	5,503,891	5,582,423
- Dana Takaful Keluarga	3,002,726	1,657,743
- Dana Takaful Am	1,881,066	1,453,092
- Dana Takaful Keluarga Berkelompok	383,353	72,829
Kerugian operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	(8,816,927)	(14,286,791)
Penambahan dalam Dana Takaful Keluarga	206,436,252	243,141,283
Penambahan dalam Dana Takaful Keluarga		
Berkelompok	18,059,385	18,799,270
Penambahan dalam Dana Takaful Am	33,644,677	21,145,558
(Pengurangan)/Penambahan dalam Dana Takaful		
Semula Keluarga	200,690	(214,138)
Pengurangan dalam Dana Takaful Semula ATG	(744,371)	(301,021)
(Pengurangan)/Penambahan dalam Dana Takaful		
Semula Am	(766,935)	1,426,478
Penambahan dalam Dana Takaful Lil-Istiithmar	781,508	-
Pendapatan dari jualan pelaburan	(384,733,666)	(176,830,692)

Penyata Aliran Tunai Disatukan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

	2004 RM	2003 RM
Pembelian Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	(54,783,223)	(144,999,700)
Pendapatan dari Akaun Pelaburan dan Bil Penerimaan Islam	27,876,747	20,928,476
Pendapatan dividen	37,999,034	31,908,663
Bayaran diterima dari penghutang pembiayaan	7,274,800	4,772,556
Penambahan dalam pemiutang (termasuk tuntutan yang diakui tetapi belumbayar)	64,507,772	6,698,171
(Penambahan)/Pengurangan dalam pelbagai penghutang	(23,156,098)	2,549,703
Tunai (digunakan)/diperolehi dari operasi	(76,220,355)	14,737,816
Bayaran zakat	(1,066,205)	(1,624,949)
Bayaran cukai	(1,604,592)	(2,178,101)
Tunai bersih (digunakan)/diperolehi dari aktiviti operasi	(78,891,152)	10,934,766
Aliran tunai dari aktiviti pelaburan		
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(19,630,329)	(10,841,804)
Pembelian pelaburan dalam syarikat bersekutu	-	(196,499)
Pembelian saham daripada pihak minoriti	(1,225,600)	-
Hasil dari penjualan hartanah, loji dan peralatan	251,964	161,854
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(20,603,965)	(10,876,449)
Aliran tunai dari aktiviti kewangan		
Perolehan dari terbitan saham	77,000,000	-
Perolehan dari perbitan saham dalam anak syarikat kepada pihak minoriti	5,130,969	-
Perbelanjaan atas terbitan saham	(848,920)	-
Bayaran dividen	(4,633,200)	(4,125,000)
Dividen dibayar kepada pihak minoriti	(255,360)	-
Aliran tunai diperolehi/(digunakan) dalam aktiviti kewangan	76,393,489	(4,125,000)
Pengurangan dalam tunai dan bersamaan tunai	(23,101,628)	(4,066,683)
Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun	54,242,467	58,309,150
Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun	31,140,839	54,242,467
Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada:		
Tunai dan baki di bank	31,140,839	54,242,467

Kunci Kira-Kira Pada 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

	Nota	2004 RM	2003 RM
Hartanah, loji dan peralatan	2(b)	150,719,179	145,079,261
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	3	60,116,672	20,454,149
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	4	3,151,634	3,151,634
Penghutang pembiayaan	5	30,100,940	39,526,115
Pelaburan	6	1,032,445,501	838,996,075
Aset cukai tertunda	20	11,785,000	6,821,549
		1,288,318,926	1,054,028,783
Harta semasa			
Jumlah terhutang dari syarikat takaful semula		36,097,798	18,599,946
Pelbagai penghutang	7	23,191,111	22,549,852
Pelaburan jangka pendek	6	971,532,969	743,482,444
Tunai dan baki di bank	8	19,640,549	47,157,711
		1,050,462,427	831,789,953
Tanggungjawab semasa			
Tuntutan-tuntutan yang diakui atau dilaporkan tetapi belum bayar		113,367,179	98,849,928
Jumlah terhutang kepada syarikat takaful semula		68,109,058	41,214,089
Pelbagai pemiutang	9	65,365,883	47,988,613
		246,842,120	188,052,630
Harta semasa bersih		803,620,307	643,737,323
		2,091,939,233	1,697,766,106

Kunci Kira-Kira Pada 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

	Nota	2004 RM	2003 RM
Dibiayai oleh:			
Modal dan rizab			
Modal saham	10	143,000,000	55,000,000
Rizab	11	79,932,384	73,402,876
		222,932,384	128,402,876
Dana Takaful			
Dana Takaful Keluarga	13	1,582,532,207	1,355,080,635
Dana Takaful Am	14	184,803,794	132,633,354
Dana Takaful Keluarga Berkelompok	15	101,479,163	81,329,273
		1,868,815,164	1,569,043,262
Tanggungjawab jangka panjang dan tertunda			
Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan	9	191,685	319,968
		2,091,939,233	1,697,766,106

Penyata kewangan ini telah diterima dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 26 Ogos 2004.

Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

	Nota	2004 RM	2003 RM
Pendapatan			
- Bahagian keuntungan bagi Syarikat	22	91,994,877	77,771,900
- Pendapatan pelaburan	23	5,760,644	3,553,509
		97,755,521	81,325,409
Perbelanjaan pentadbiran		(54,189,961)	(42,267,215)
Pelbagai perbelanjaan operasi		(23,893,023)	(21,394,528)
Pelbagai pendapatan operasi		1,509,280	752,045
Keuntungan operasi	24	21,181,817	18,415,711
Kos kewangan		(42,006)	(51,295)
Keuntungan sebelum zakat dan cukai		21,139,811	18,364,416
Zakat		(1,020,435)	(1,181,202)
Cukai	27	2,892,252	1,170,875
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		23,011,628	18,354,089

Penyata Perubahan Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

	<i>Tidak boleh diagihkan</i>		<i>Boleh diagihkan</i>	
	Modal saham RM	Premium saham RM	Keuntungan tersimpan RM	Jumlah RM
Pada 1 Julai 2002	55,000,000	12,663,761	46,510,026	114,173,787
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	18,354,089	18,354,089
Dividen 2002 - akhir	-	-	(4,125,000)	(4,125,000)
Pada 30 Jun 2003	55,000,000	12,663,761	60,739,115	128,402,876
Pada 1 Julai 2003	55,000,000	12,663,761	60,739,115	128,402,876
Terbitan saham:				
- tunai	77,000,000	-	-	77,000,000
- terbitan bonus	11,000,000	(11,000,000)	-	-
Perbelanjaan atas terbitan saham	-	(848,920)	-	(848,920)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	-	23,011,628	23,011,628
Dividen 2003 - akhir	-	-	(4,633,200)	(4,633,200)
Pada 30 Jun 2004	143,000,000	814,841	79,117,543	222,932,384

Nota 10

Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

	2004 RM	2003 RM
Aliran tunai dari aktiviti operasi		
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	21,139,811	18,364,416
Penyesuaian untuk:		
Susutnilai:		
- Dana Pemegang Saham	4,002,696	4,076,350
- Dana Takaful Keluarga	1,124,576	868,542
- Dana Takaful Am	596,137	375,399
Keuntungan dari jualan hartanah, loji dan peralatan	-	(79,800)
Pendapatan dari penghutang pembiayaan	(1,596,519)	(2,094,556)
Pendapatan dari Akaun Pelaburan dan Bil Penerimaan Islam	(24,116,453)	(20,424,847)
Pendapatan dividen	(38,142,558)	(31,908,663)
Kerugian dari jualan saham tersiarharga	5,629,029	9,844,178
Keuntungan dari jualan Bon Islam	(2,127,838)	(18,436,388)
Keuntungan dari jualan Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	(14,171,400)	-
Elaun bagi pembiayaan diragui:		
- Dana Pemegang Saham	2,243,018	974,639
- Dana Takaful Keluarga	3,002,726	1,657,743
- Dana Takaful Am	1,881,066	1,453,092
- Dana Takaful Keluarga Berkelompok	383,353	72,829
(Kirapulihan)/Elaun rosot nilai bagi nilai pelaburan:		
- Dana Pemegang Saham	(2,686,667)	(600,475)
- Dana Takaful Keluarga	15,248,969	6,613,326
- Dana Takaful Am	14,240,310	5,837,030
- Dana Takaful Keluarga Berkelompok	2,054,398	1,696,935
Kerugian operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	(11,295,346)	(21,710,250)
Penambahan dalam Dana Takaful Keluarga	206,576,455	243,141,283
Penambahan dalam Dana Takaful Am	32,825,983	21,269,734
Penambahan dalam Dana Takaful Keluarga Berkelompok	18,095,492	18,799,270
Pendapatan dari jualan pelaburan	(342,629,558)	(153,233,687)
Pembelian Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	(54,783,223)	(144,999,700)
Pendapatan dari Akaun Pelaburan dan Bil Penerimaan Islam	24,116,453	20,424,847
Pendapatan dividen	38,142,558	31,908,663
Bayaran diterima dari penghutang pembiayaan	4,665,255	4,894,563

Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2004

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

	2004 RM	2003 RM
Penambahan/(Pengurangan) dalam pemiutang (termasuk tuntutan yang diakui tetapi belum bayar)	58,661,207	(5,336,831)
Penambahan dalam pelbagai penghutang	(19,628,973)	(3,155,661)
Tunai (digunakan)/diperolehi dari operasi	(45,253,697)	12,002,231
Bayaran zakat	(1,020,435)	(1,578,432)
Bayaran cukai	(1,735,060)	(2,315,537)
Tunai bersih (digunakan)/diperolehi dari aktiviti operasi	(48,009,192)	8,108,262
Aliran tunai dari aktiviti pelaburan		
Pembelian pelaburan dalam syarikat bersekutu	-	(196,499)
Pembelian kepentingan tambahan dalam anak-anak syarikat	(39,662,523)	-
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(11,363,327)	(9,324,124)
Hasil dari penjualan hartanah, loji dan peralatan	-	79,800
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(51,025,850)	(9,440,823)
Aliran tunai dari aktiviti kewangan		
Dividen dibayar	(4,633,200)	(4,125,000)
Perolehan dari terbitan saham	77,000,000	-
Perbelanjaan atas terbitan saham	(848,920)	-
Tunai bersih diperolehi/(digunakan) dalam aktiviti kewangan	71,517,880	(4,125,000)
Pengurangan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai	(27,517,162)	(5,457,561)
Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun	47,157,711	52,615,272
Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun	19,640,549	47,157,711
Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada:		
Tunai dan baki di bank	19,640,549	47,157,711

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

1. Dasar-dasar perakaunan penting

Dasar-dasar perakaunan berikut diamalkan oleh Kumpulan dan Syarikat dan sejajar dengan dasar-dasar yang diamalkan dalam tahun-tahun yang lalu melainkan pengamalan MASB 29, Faedah-faedah Kakitangan, yang berkuatkuasa dalam tahun kewangan.

Selain daripada polisi baru dan penambahan pendedahan-pendedahan yang dikehendaki oleh piawaian ini, ianya tiada kesan yang ketara ke atas penyata kewangan.

(a) Asas perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah melainkan dari yang dinyatakan di dalam nota penyata kewangan dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Takaful, 1984 (pindaan), Garis Panduan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dan piawaian-piawaian perakaunan yang berkenaan yang telah diluluskan di Malaysia, diubahsuai untuk mematuhi Hukum-Hukum Syarak.

(b) Asas penyatuan

Anak-anak syarikat adalah perusahaan-perusahaan di bawah kawalan Syarikat. Kawalan wujud apabila Syarikat mempunyai kuasa, secara langsung atau tidak langsung, untuk menentukan polisi-polisi kewangan dan operasi sesebuah perusahaan dengan tujuan untuk mendapat faedah daripada aktiviti perusahaan tersebut. Penyata kewangan anak-anak syarikat diambilkira ke dalam penyata kewangan yang disatukan bermula dari tarikh berkuatkuasa kawalan sehingga ke tarikh kuatkuasa kawalan berakhir. Anak-anak syarikat disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan pemerolehan.

Sesebuah anak syarikat tidak diambilkira dalam penyatuan apabila cadangan kawalan hanya untuk sementara dan jika anak syarikat itu diambalalih dan dipegang secara eksklusif dengan tujuan untuk dijual pada masa hadapan yang terdekat dan ianya tidak pernah disatukan sebelum ini atau ia beroperasi di bawah halangan jangka panjang yang menjejaskan dengan ketara keupayaannya untuk memindahkan dana kepada Syarikat. Anak-anak syarikat yang dikecualikan berdasarkan alasan ini dikira sebagai pelaburan.

Mengikut kaedah perakaunan pemerolehan, kedudukan kewangan anak syarikat yang diambalalih atau dijual bagi sepanjang tahun perakaunan diambilkira dari tarikh pengambilalihan atau hingga ke tarikh penjualan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama ke atas harta bersih anak syarikat ditentukan dan nilai ini diambilkira ke dalam penyata kewangan Kumpulan. Perbezaan di antara kos pengambilalihan dan nilai saksama harta bersih anak syarikat dikira sebagai muhibah atau rizab semasa penyatuan, bergantung kepada keadaan.

Semua urusan dan baki di antara syarikat-syarikat di dalam Kumpulan dan sebarang keuntungan belum realisasi yang terbit dari urusan tersebut dihapuskan dalam penyatuan. Kerugian belum direalisasikan yang terbit dari urusan antara syarikat-syarikat di dalam Kumpulan juga dihapuskan kecuali kos yang tidak dapat diperolehi semula.

(c) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah perusahaan-perusahaan yang mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi bukan kawalan, ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi perusahaan-perusahaan berkenaan.

Penyata kewangan yang disatukan mengambilkira jumlah keuntungan dan kerugian yang diiktiraf oleh syarikat

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (No. Syarikat: 131646-K) (Diperbadankan di Malaysia) dan anak-anak syarikatnya

bersekutu dengan menggunakan kaedah ekuiti bermula dari tarikh wujudnya pengaruh penting secara efektif sehingga tarikh pengaruh penting tersebut berakhir secara efektif.

Keuntungan yang belum direalisasikan yang wujud daripada urusan di antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutu yang dimasukkan dalam nilai pembawaan aset dan tanggungan berkaitan dihapuskan sebahagiannya mengikut kadar kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu tersebut. Kerugian yang belum direalisasikan daripada urusan sedemikian juga dihapuskan sebahagiannya kecuali apabila kos tidak boleh diperolehi semula.

Muhibah dari pengambilalihan dikira berdasarkan nilai saksama aset bersih yang diperolehi.

(d) Hartanah, loji and peralatan

Tanah milikbebas dan bangunan dalam pembinaan dinyatakan pada kos. Hartanah, loji dan peralatan yang lain dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Susutnilai

